

30 AUG 2001

Dompok-Penggiliran

TEMPOH DUA TAHUN JAWATAN KM BUKAN PENGHALANG PEMBANGUNAN, KATA DOMPOK

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Sistem penggiliran jawatan ketua menteri Sabah bukan merupakan batu penghalang kepada pembangunan di negeri itu, kata presiden sebuah parti komponen Barisan Nasional (BN) di sini hari ini.

Tan Sri Bernard Dompok, presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO), berkata sistem penggiliran itu membolehkan semua kaum di Sabah mempunyai pegangan dalam kerajaan negeri.

"Setiap kaum mempunyai peluang untuk memimpin kerajaan dan tempoh dua tahun jawatan ketua menteri bukan batu penghalang bagi membawa kemajuan ke negeri itu," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog dan bertemu pemimpin di sini hari ini.

"Saya tidak nampak bahawa tempoh dua tahun itu merupakan penghalang tetapi adalah menjadi hasrat seseorang ketua menteri untuk berkhidmat lebih lama bagi memastikan dasar dijalankan dengan sempurna dan jelas," katanya.

Dompok berkata demikian semasa mengulas pertanyaan seorang penuntut Sabah yang belajar di sebuah institusi pendidikan tinggi yang membangkitkan mengenai tempoh jawatan ketua menteri adalah terlalu pendek untuk membawa kemajuan ke negeri itu, pada sesi dialog berkenaan.

Dompok berkata setakat mana yang membabitkan beliau, sistem penggiliran itu telah membawa perubahan kepada negeri itu, dan menambah bahawa bagi memansuhkan sistem itu, seseorang perlu melihat sama ada ia telah memenuhi objektifnya.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, sebagai pengerusi BN, mencadangkan sistem penggiliran itu, beliau (Dr Mahathir) melakukannya kerana sesuatu sebab iaitu menyatukan penduduk Sabah.

Sistem penggiliran dilaksanakan pada 1994 apabila BN menguasai negeri itu pada 1994 dan membolehkan Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam bergilir-gilir menjadi ketua menteri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengumumkan formula baru iaitu 2:1:1 bagi sistem itu tahun ini iaitu Umno akan mendapat balik jawatan itu selepas tempoh perkhidmatan ketua menteri sekarang Datuk Chong Kah, tamat.

Seorang Bumiputera bukan Islam akan akan dilantik ke jawatan itu selama dua tahun dan diikuti Umno semula.

Chong, presiden Parti Demokratik Liberal, mewakili masyarakat Cina.

Mengenai pendirian parti itu, Dompok berkata: "Setakat mana yang membabitkan aparti itu, kami mahukan yang terbaik untuk Sabah. Pada masa ini, BN berpendapat sistem itu patut diteruskan dan kami mematuhi manifesto BN itu.

Katanya ada cadangan daripada rakyat untuk membentuk satu sistem perkongsian kuasa untuk jawatan itu.

"Jawatan yang penting itu dibahagikan bagi menggambarkan kaum di Sabah. Sistem penggiliran sedia ada telah diubah suai dan kami mahu melihat sama ada inilah cara yang terbaik untuk melakukannya," katanya.

-- BERNAMA

DC HS LAT